

02 APR, 2023

## UiTM Machang guna iMistroom 2000 bantu mahasiswa hasil cendawan tiram putih

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

## UiTM Machang guna iMistroom 2000 bantu mahasiswa hasil cendawan tiram putih

**MACHANG:** Selari dengan saranan kerajaan menangani krisis ketidakcukupan makanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan membuka lembaran baharu apabila menggunakan sistem iMistroom 2000 iaitu rumah cendawan pintar modular yang pertama di Malaysia untuk menghasilkan cendawan tiram putih di kampus Machang.

Pensyarah Teknologi Maklumat merangkap ahli kumpulan penyelidik cendawan Internet benda (IoT) Dr Syerina Azlin Md Nasir berkata, kaedah iMistroom dan IoT yang dibangunkan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengeluaran tanaman cendawan hingga dua kali ganda berbanding kaedah biasa, malah membantu mahasiswa dan komuniti setempat menjana pendapatan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

“Rumah cendawan kontemporari yang menggabungkan sistem IoT ini dapat memberi kawalan alam sekitar yang lebih inklusif, reka bentuk dan pemilihan bahan binaan dengan kos yang efektif serta proses penyelenggaraan yang lebih mudah.

“Inkubator ini juga dapat memberi peluang kepada mahasiswa dan golongan B40 mendapat kemahiran serta tunjuk ajar daripada kami untuk memulakan perniagaan berasaskan cendawan tiram putih,” katanya kepada pemberita di UiTM Kampus Machang, di sini semalam.

Beliau berkata sebanyak 2,000 bongkah cendawan tiram putih boleh ditempatkan di dalam inkubator itu dengan setiap bongkah boleh menghasilkan lima hingga enam kali tuaian dan maksimum lima kilogram sehari bagi 1,000 bongkah.

“Selain kita ingin menjana pendapatan mahasiswa dan komuniti setempat, perkara penting yang ingin kami



**HASILNYA:** Wan Muhammad Syukri menunjukkan cendawan tiram putih yang terdapat di dalam inkubator iMistroom 2000 di UiTM di Machang semalam. — Gambar Bernama




**PETIK:** Pembantu Kemahiran kanan Mohd Rosli Ismail memetik cendawan tiram putih di dalam inkubator iMistroom 2000 di UiTM di Machang semalam. — Gambar Bernama

terapkan ialah bagaimana cara pemindahan ilmu itu berlaku kerana daripada ilmu yang diberikan ini ia akan melahirkan lebih ramai usahawan cendawan tiram putih yang permintaannya sangat tinggi di pasaran ketika ini,” katanya.

Sementara itu, pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Pemasaran UiTM Machang yang juga perintis projek itu, Wan Muhammad Syukri Wan Norjick, 25, berkata sistem iMistroom 2000 boleh dipantau dan dikawal dari jarak jauh kerana dilengkapi pad penyejuk bagi menjaga suhu pada kadar yang sesuai dan lampu ultralembayung yang berfungsi untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembesaran cendawan.

“Selain itu, sistem yang dipasang ini juga dapat memantau kelembapan antara 85 hingga 95 peratus dan suhu antara 23 hingga 30 darjah Celsius sekali gus dapat meningkatkan kualiti hasil cendawan sebagaimana yang disyorkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI),” katanya.

Wan Muhammad Syukri yang turut mengusahakan perniagaan cendawan tiram kelabu secara konvensional di rumahnya dengan hasil jualan mencecah sekitar RM10,000 sebulan turut berharap agar lebih ramai mahasiswa dan golongan B40 menceburi perniagaan berkenaan kerana hasilnya sangat lumayan sekali gus dapat meningkatkan keterjaminan makanan negara. — Bernama



02 APR, 2023

## UiTM Machang guna iMistroom 2000 bantu mahasiswa hasil cendawan tiram putih

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

MACHANG: Selari dengan saranan kerajaan menangani krisis ketidakcukupan makanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan membuka lembaran baharu apabila menggunakan sistem iMistroom 2000 iaitu rumah cendawan pintar modular yang pertama di Malaysia untuk menghasilkan cendawan tiram putih di kampus Machang.